

# APMM patahkan kegiatan menangkap ikan secara haram

## Lima bot nelayan Vietnam ditahan

Oleh TAUFIK SALIMIN

**M**UARA TEBAS – Taktik lima bot nelayan asing yang mencerooboh perairan negara pada waktu malam dan keluar ke perairan antarabangsa sejak lebih sebulan lalu berjaya dipatahkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kuching, kira-kira 190 batu nautika Utara Tanjung Po di sini pada 25 Julai lalu.

Kelima-lima bot nelayan dari Vietnam itu ditahan pada pukul 6.40 hingga 10.40 pagi selepas melakukan aktiviti penangkapan ikan secara haram di perairan Sarawak.

Timbalan Pengarah Operasi Daerah Maritim Kuching, Komander Maritim Shahref Steve Mac Queen Abdullah (**gambar kecil**) berkata, dalam pemeriksaan itu lima bot nelayan berdaftar di Vietnam dirampas dan 52 nelayan warga Vietnam berusia 16 hingga 56 ditahan.

Menurutnya, sebanyak 20,000 kilogram ikan hasil tangkapan turut dirampas.

“Kapal nelayan asing ini akan mula mencerooboh pada waktu malam dan meninggalkan perairan Malaysia pada waktu pagi supaya tidak dikesan pihak berkuasa.

“Hasil tangkapan diserahkan kepada kapal induk yang menunggu di perairan antarabangsa,” katanya pada sidang akhbar di Jeti Kompleks Maritim Tun Abang Salahuddin di sini semalam.

Menurutnya, APMM tidak menolak kemungkinan kegiatan pencerobohan tersebut didalangi individu tertentu yang mengetuai satu sindiket mencuri ikan dan hasil laut perairan negara.

Shahref memberitahu, kapal induk yang mungkin dari Vietnam menunggu di perairan antarabangsa dipercayai bertindak menghantar keperluan semua kapal nelayan dan mengambil ikan yang sudah ditangkap untuk dijual.

“Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan kira-kira RM7 juta,” ujarnya.



SEBAHAGIAN nelayan asing dari Vietnam yang dikawal rapi oleh anggota penguat kuasa maritim ketika sidang akhbar di jeti Kompleks Maritim Tun Abang Salahuddin (Komtas) semalam.